

23 JUN 1996  
India-Afghan

## INDIA BANTU MALAYSIA JADI PENGANTARA DALAM KONFLIK AFGHAN

Oleh: R Ravichandran

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- India sanggup membantu Malaysia jika negara ini berhasrat memainkan peranan secara langsung sebagai pengantara bagi membantu menamatkan konflik di Afghanistan, kata Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia V.K Nambiar hari ini.

India mempunyai hubungan tradisi dan kebudayaan yang erat dengan Afghanistan dan bersedia untuk membantu Malaysia bagi membolehkan Kuala Lumpur memainkan peranan sebagai pengantara di Afghanistan, katanya kepada Bernama di sini.

Nambiar yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini berkata demikian sebagai mengulas mengenai syor Kuasa Usaha Afghanistan ke Malaysia Abdul Sattar Murad baru-baru ini supaya Malaysia memainkan peranan dalam mengusahakan satu persidangan damai antara kumpulan-kumpulan yang bermusuhan di Afghanistan.

Abdul Sattar juga menyeru negara-negara yang berjiran dengan Afghanistan seperti India, Iran dan Pakistan berusaha sedaya upaya membantu negaranya mencapai perdamaian.

Nambiar, yang menjadi Duta India ke Afghanistan sebelum ditugaskan ke Malaysia pada 1992 berkata Malaysia memiliki kredibiliti yang tinggi di kalangan negara-negara Islam.

"Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga merupakan seorang tokoh yang disegani di peringkat antarabangsa dan ini menjadi kelebihan bagi Kuala Lumpur untuk mengambil peranan itu," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai bentuk bantuan yang ditawarkan oleh India, Nambiar berkata India yang mempunyai hubungan baik dengan Presiden Afghanistan sekarang, Burhanuddin Rabbani dan juga dengan kerajaan-kerajaan sebelum ini, boleh memberikan nasihat, sokongan dan membantu menghubungi pelbagai kumpulan Mujahideen yang terbabit.

Malaysia juga boleh membantu dalam pembinaan semula Afghanistan selepas perdamaian dicapai.

"Malaysia juga boleh menubuhkan satu tabung pembangunan bersama-sama negara-negara Asean, seperti yang disediakan untuk Bosnia-Herzegovina dan saya percaya masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara Eropah dan Bangsa-Bangsa Bersatu akan turut membantu," kata beliau.

Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi dalam konflik Afghan mempunyai kedudukan paling baik untuk mengambil peranan sedemikian.

Nambiar juga berkata Malaysia dan India telah mengeluarkan pendapat yang serupa mengenai Afghanistan di pelbagai forum antarabangsa.

"India mengekalkan hubungan erat dengan Kabul sejak beberapa kurun yang lalu dan terus membantu negara itu khususnya dalam bidang pendidikan, perdagangan dan kesihatan," kata beliau.

Nambiar juga berkata bagi mewujudkan perdamaian, semua pihak yang bertelagah mesti bersatu untuk membentuk sebuah kerajaan campuran.

"Semua pihak mesti bersedia untuk bertolak ansur supaya perdamaian menjadi kenyataan," katanya.

Ketika ditanya mengapa India tidak boleh mengambil peranan berkenaan, beliau berkata tidak semua negara jiran Afghanistan "faham" dengan peranan seperti itu.

Nambiar berkata oleh kerana Bangsa-Bangsa Bersatu telah kehilangan kredibilitinya di Afghanistan, wajar jika sebuah negara dunia ketiga seperti Malaysia mengambil inisiatif bagi menyelesaikan masalah yang

dihadapi oleh sebuah negara dunia ketiga yang lain. -- BERNAMA.  
RV MZ MAI